NOTA 2
RAHSIA ISRAK MIKRAJ DAN AMALAN PENGUBATAN ISLAM

Wahai penuntut ilmu rahsia perubatan,
Duduklah dengan tenang, fokuskan tumpuan.
Nota ini panduan perjalanan yang penuh peringatan.
Sedarlah...bukan hanya akar kayu atau jampi jadi ramuan,
Tetapi perjalanan jiwamu dari bumi menuju langit tanpa batasan.

Israk dan Perubatan Bumi
Israk itu ilmu yang mendatar di hamparan,
Diperlihatkan dunia dalam pelbagai tipuan,
Tanpa bimbingan guru, maka kamu akan jatuh dalam godaan
Dunia, ifrit, wanita, harta dan pelbagai keajaiban.

Maka begitulah perumpamaan,
Dalam medan rawatan, pesakitnya bukan sekadar pada badan,
tetapi pada jiwa, akidah dan pegangan.
Jika kamu hanya mendalami ilmu kebumian
Kamu pasti akan terperangkap dalam khayalan dan perdayaan.
Sehingga kamu akan mula menyangka jin sebagai musuh yang tak terlawan,
Sedangkan mereka hanyalah kerdilan di sisi Tuhan.
Justeru, ambillah pengajaran
Bahawa Rasulullah SAW dibimbing dan dipandu Jibril budiman

Mikraj dan Perubatan Langit
Mikraj adalah simbolik ilmu yang tegak lurus ke langit.
Tidak akan bisa lepas melainkan disoal siasat para Malaikat
Maka begitulah juga ilmu rawatan Islam ada protokolnya yang ketat
Masakah kamu bisa lulus tanpa pembimbing yang taat.
Apatah lagi jika kamu hanya di mata manusia dianggap hebat
Tetapi di mata makhluk langit, hanya umpama lalat
Jampimu memantul ke bumi tanpa membawa sebutir pun rahmat.

Sidratul Muntaha: Titik Ketiadaan (Al-Fana')
Sidratul Muntaha adalah kemuncak perjalanan.
Tiada siapa bisa sampai melainkan dengan keizinan
Hatta Jibril pun mengundur takut terbakar jika melawan.
Inilah Maqam Sidratul Muntaha ruhanimu yang perlu kamu usahakan
Saat meletak tangan, hilangkan segala kudrat dan kemahuan
"Lailahaillallah" bukan sahaja menafikan bahawa lisanmu ada kuasa penyembuhan,
Menafikan bahawa tanganmu ada kekuatan,
Menafikan bahawa dengan ilmumu, sihir bisa dihancurkan,
Akan tetapi peneguhan (Isbat) bahawa "DIA"lah yang menentukan.

PESAN GURU

Janganlah kau menjadi perawat yang hanya berjalan di bumi (Israk)
tanpa pernah mendaki ke langit (Mikraj),
Kerana Ilmu Israkmu hanya membawamu mengenal musuh,
sedangkan Ilmu Mikrajmu akan membawamu mengenal Raja Segala Raja
Bila melangkah, maka langkahlah dengan panduan guru,
kerana syaitan itu lebih kenal jalan di bumi,
berbanding kamu yang baru memulakan perjalanan secara sendiri.